

Skuad olahraga miliki kelas tersendiri di AUG 2024

SKUAD olahraga negara melabuh tirai Sukan Universiti ASEAN (AUG) Surabaya-Malang 2024 dengan cemerlang apabila tidak hanya mencapai sasaran 10 pingat emas ditetapkan sebaliknya menambah tiga lagi medal tersebut daripada edisi ke-21, lapor **ZURAIMEE ZAINAL**.

Pengurus skuad olahraga ke temasya AUG 2024, Muhamad Malik Ahmad Tobias berkata, pencapaian itu juga lebih baik dari edisi Ubon Ratchathani 2022 yang menyasarkan sembilan emas sebelum membawa pulang 11 medal tersebut.

"Kejutan di AUG 2024 datang daripada lompat tinggi menerusi penuntut UKM, Muhammad Aiman Syazuwan Abdullah (penampilan pertama) apabila melepasi 2.10 meter (m) biarpun sasaran awal disandarkan kepada Farrell Glenn Felix Jirus.

"Selain itu, kuartet 4x100m lelaki dan wanita kita juga cemerlang selepas sudah lama tidak dapat emas dalam acara ini "Lebih membanggakan ada



FOTO: FACEBOOK SLIKAN IPT

Skuad olahraga AUG 2024 negara tidak hanya melepasi sasaran, namun menambah tiga medal di Surabaya-Malang.

empat atlet yang telah memperbaharui PB (*personal best*) selain tujuh atlet membuat SB (*season best*), dan ada seorang atlet yang hampir memecah rekod kebangsaan 15.22 meter (m) iaitu atlet lontar peluru

Universiti Putra Malaysia, Nani Sahirah Maryata.

"Namun semasa final dia berjaya melakukan lontaran 15.20m, selain itu atlet 1,500m, Anas Ariffin juga menyerlah walaupun mendapat pingat pe-

rak," katanya pada Selasa.

Mengulas mengenai insentif RM3,000 akan diberikan kepada pemenang pingat emas, RM2,000 (perak) serta RM1,500 (gangsa) seperti diumumkan Menteri Pendidikan Tinggi,

Datuk Seri Zambry Abd Kadir sebelum ini, Malik percaya insentif itu juga merupakan antara dos penggalak untuk atlet tampil lebih cemerlang untuk demi negara di Surabaya-Malang 2024.